

29 DEC 2000

Sukan-Bot Laju

MALAYSIA AKAN DIWAKILI PADA KEJOHANAN BOT LAJU F1 DUNIA

JOHOR BAHRU, 29 Dis (Bernama) -- Musim baru Kejohanan Bot Laju F 1 UIM Dunia, yang akan diadakan di Selat Tebrau di sini, Februari tahun depan, akan menyaksikan penyertaan seorang peserta daripada Malaysia.

Peserta tunggal Malaysia itu ialah Tan Sri Azman Hashim, pengerusi kumpulan Arab-Malaysian Bank.

Jika beliau memutuskan untuk menyertai perlumbaan F1 itu, Azman akan bertanding bersama pelumba bertaraf dunia, antaranya Francesco Cantando dari Itali dan juara lima kali dunia, Guido Cappellini juga dari Itali dan Scott Gillman dari Amerika Syarikat.

"Azman Hashim akan turut bertanding... kita akan ada peserta daripada Malaysia kali ini," kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman kepada Bernama, hari ini.

Beliau berkata sekurang-kurangnya ada seorang peserta Malaysia pada kejohanan bot laju ini dan penyertaan Azman akan membanggakan negara.

Abdul Ghani berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melanacarkan kejohanan ini.

Beberapa kerabat diraja dari luar negara juga akan turut hadir, kata beliau.

Permulaan peringkat pertama daripada 14 peringkat kejohanan ini akan diadakan pada 25 Feb.

Ini kali pertama kejohanan ini diadakan di Asia Tenggara. Biasanya ia diadakan di Portugal, Belgium, Hungary, Poland, Bulgaria, Itali, Latvia, Perancis, Vienna, Turki dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Abdul Ghani berkata semuanya berjalan lancar bagi menjayakan kejohanan ini dan jawatankuasa yang terlibat telah mengadakan mesyuarat pertama mereka Jumaat lepas.

"Kita ada kurang dua bulan sebelum kejohanan ini diadakan. Kita berharap mampu menganjurkannya dengan meriah," kata pengarah urusan H2O Sports Sdn Bhd, Datuk Yahya Jalil.

H2O Sports Sdn Bhd adalah pengajur kejohanan ini untuk Asia dan syarikat ini bertanggungjawab secara terus membawa kejohanan UIM F1 ini ke Malaysia.

Kejohanan ini akan ditayangkan melalui internet dan televisyen yang akan ditonton oleh lebih 90 juta penonton.

Gillman, Cantando dan Cappellini -- tiga pelumba terbaik dunia -- telah mengesahkan penyertaan masing-masing pada Grand Prix Johor Baharu ini.

Gillman mukul juara kejohanan dunia tahun ini dengan menduduki tempat ketiga pada pusingan terakhir perlumbaan di Abu Dhabi bulan lepas. Cantando di tempat pertama dan Cappellini, kedua.

Untuk kejohanan dunia itu, Gillman, yang juga ketua pasukan UAE mengumpul 143 mata, Cantando di tempat kedua dengan 142 mata dan juara bertahan Cappellini ketiga dengan 135 mata.

Lain-lain pelumba terkenal yang dijangka bertanding di sini, Februari depan, ialah Awad Al Qubaisi dari UAE, Fabio Comparato, Massimo Roggiero, Fabrizio Bocca, Franco Leidi dan Cipriano Lambri, kesemuanya dari Itali, Duarte Benavente dari Portugal, Jonathan Jones (Great Britain), Rudolf Mihaldinecz (Hungary), Philippe Sessertenne (Perancis), Viktor Kunitch (Rusia), Sami Mikael Selio (Finland), Rupp Temper (Austria) dan Paul Gaiser (Brazil).

-- BERNAMA

MKO ZB